Memasang kad memori

Anda boleh meluaskan memori telefon anda dengan menggunakan kad memori MikroSD.

NOTA: Kad memori adalah aksesori pilihan.


- 1 Gelangsarkan penutup slot ke bawah.
- 2 Letakkan kad mikroSD ke dalam slot. Pastikan kawasan sesentuh emas menghadap ke bawah
- 3 Gelangsarkan penutup slot ke atas.

GD880 akan menyokong sehingga 16GB kad memori.



Memformatkan kad memori

Kad memori mungkin telah diformat. Jika tidak, anda mungkin perlu memformatkannya sebelum anda boleh menggunakannya.

- 1 Daripada skrin Utama pilih , kemudian **Tetapan peranti**.
- 2 Sentuh **Maklumat memori** dan tatal ke bawah untuk memilih **Memori luaran**.
- 3 Sentuh **Format** dan kemudian sahkan pilihan anda.
- 4 Masukkan kata laluan, jika satu ditetapkan. Kad anda kemudiannya akan diformatkan dan sedia untuk digunakan.

Menggunakan skrin sentuh anda

Petua skrin sentuh

- Untuk memilih item, sentuh bahagian tengah ikon.
- Jangan tekan terlalu kuat. Skrin sentuh sensitif untuk mengesan sentuhan yang lembut dan ringan.
- Tidak perlu menekan dengan kuat, skrin sentuh sudah cukup sensitif dengan hanya sentuhan lembut tetapi teguh. Berhati-hati supaya tidak tersentuh kekunci lain.
- Bila-bila GD880 anda tidak digunakan, ia akan kembali ke skrin kunci.

Sentuh skrin sentuh

Kawalan pada skrin sentuh GD880 bertukar secara dinamik bergantung pada tugas yang anda jalankan.

Membuka Aplikasi

Untuk membuka sebarang aplikasi, hanya sentuh ikonnya.



Menatal

Seret dari sisi ke sisi untuk menatal. Pada sesetengah skrin, seperti halaman web, anda juga boleh menatal ke atas atau bawah.

Skrin utama anda

Daripada sini anda boleh mengakses semua pilihan menu, membuat panggilan pantas, melihat status telefon anda dan banyak lagi.

Anda boleh menambah menu kegemaran pada menu utama

- 1 Sentuh  dari skrin utama.
- 2 Jika anda mahu mengeluarkan menu kegemaran, sentuh  pada sebelah kanan atas ikon. Jika anda mahu menambah menu kegemaran pada menu utama, sentuh **Tambah** pada sebelah bawah kanan skrin.



- 3 Setelah anda menyentuh **Tambah**, anda boleh memilih antara **Widget**, **Penanda buku** atau **Pintasan** (Jika anda tidak mahu menambah, sentuh **Batal**).
- 4 Pilih menu yang anda mahu tambah dengan menyentuh tanda Bintang pada sebelah kanan menu. Menu akan dipaparkan pada skrin apabila anda kembali ke skrin sebelumnya.
- 5 Apabila anda telah selesai, sentuh **OK**.



Skrin utama anda

Kekunci pantas

Kekunci pantas pada skrin utama anda menyediakan akses mudah, satu sentuhan kepada fungsi yang anda kerap gunakan.



Sentuh untuk membawa pad dailan sentuh ke atas untuk membuat panggilan.



Sentuh untuk membuka **Kenalan anda**. Untuk mencari nombor yang anda mahu hubungi, masukkan nama kenalan di bahagian atas skrin dengan menggunakan pad sentuh. Anda juga boleh membuat kenalan baru dan mengedit kenalan sedia ada.






Sentuh untuk mengakses menu **Pemesejan**. Dari sini anda boleh membuat SMS atau MMS baru, atau lihat folder mesej anda.




Sentuh untuk membuka **Menu atas**

Panggilan


Membuat panggilan

- 1 Sentuh  dari skrin utama untuk membuka pad kekunci.
- 2 Masukkan nombor menggunakan pad kekunci.
- 3 Sentuh  untuk memulakan panggilan, tetapi jika anda mahu memulakan panggilan Video, sentuh  kemudian pilih **Membuat panggilan video**.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, tekan Tamatkan panggilan pada bahagian bawah skrin.

PETUA! Untuk memasukkan + bagi menandakan panggilan antarabangsa, tekan dan tahan .

PETUA! Tekan kekunci kuasa untuk mengunci skrin sentuh untuk mengelakkan panggilan dibuat dengan tidak sengaja.

Membuat panggilan daripada kenalan anda

- 1 Dari skrin utama sentuh  untuk membuka **Kenalan** anda.
- 2 Ketik kotak medan Carian pada bahagian atas skrin dan gunakan pad kekunci untuk memasukkan beberapa huruf awal kenalan yang anda mahu panggil.
- 3 Dari senarai yang ditapis, sentuh ikon Panggil bersebelahan kenalan yang anda mahu panggil. Panggilan akan menggunakan nombor lalai jika terdapat lebih daripada satu untuk kenalan tersebut.
- 4 Atau anda boleh sentuh nama kenalan dan pilih nombor untuk digunakan jika terdapat lebih daripada satu untuk kenalan tersebut.

Menjawab dan menolak panggilan

Apabila telefon anda berdering, sentuh **Jawab** untuk menjawab panggilan.

Untuk membisukan deringan, sentuh **Senyap**. Ini berguna jika anda telah terlupa untuk menukar profil anda kepada **Senyap** untuk mesyuarat. Sentuh **Tolak** untuk menolak panggilan masuk.


Pilihan panggilan masuk





Pilihan - Sentuh  untuk membawa ke atas senarai pilihan panggilan masuk lanjutan.

Pembesar suara - Sentuh  untuk menghidupkan pembesar suara telefon.

Tahan - Sentuh  untuk menundakan panggilan.

Sentuh  untuk membuka pad kekunci numerik untuk membuat panggilan kedua. Fungsi ini juga membenarkan anda untuk menavigasi menu dengan pilihan bernombor apabila anda mendail perkhidmatan telefon automatik, seperti pusat panggilan.

Sentuh  untuk menambah memo semasa panggilan.


Sentuh  untuk mencari kenalan anda semasa panggilan.

PETUA! Untuk menatal melalui senarai pilihan atau senarai kenalan anda, sentuh item terakhir yang boleh dilihat dan luncurkan jari anda ke atas skrin. Senarai akan naik ke atas supaya lebih item kelihatan.

Panggilan

Dailan cepat



Anda boleh memperuntukkan kenalan yang kerap dipanggil kepada nombor dailan cepat.

- 1 Pilih **Buku telefon** dan sentuh  dan pilih **Dailan pantas**.
- 2 Mel suara anda telah ditetapkan kepada dailan cepat 1. Anda tidak boleh menukarnya. Sentuh sebarang nombor lain untuk memperuntukkannya pada kenalan dailan cepat.
- 3 Kenalan **Anda** akan dibuka. Pilih kenalan yang anda ingin peruntukkan kepada nombor tersebut dengan menyentuh nombor telefon kenalan sekali. Untuk mencari kenalan, ketik kotak medan **Carian** dan masukkan huruf pertama nama kenalan.

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa anda memulakan panggilan, sentuh **Pad dail** dan taipkan nombor yang anda mahu panggil.
- 2 Sentuh **Panggilan video** untuk menyambung panggilan.
- 3 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggil.

Panggilan permulaan anda akan dikunci dan pemanggil ditunda.

- 4 Untuk menukar antara panggilan, sentuh  atau tekan nombor panggilan yang menunggu.
- 5 Untuk menamatkan satu atau kedua-dua panggilan, tekan  dan pilih **Tamat**.

NOTA: Anda akan dikenakan bayaran untuk setiap panggilan yang anda buat.

Melihat log panggilan anda

Sentuh **Log** di dalam **Menu utama**.

PETUA! Sentuh mana-mana entri log panggilan tunggal untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.

Menggunakan alihan panggilan

- 1 Sentuh **Tetapan panggilan** di dalam **Menu utama**.
- 2 Sentuh **Alihan panggilan**.
- 3 Pilih antara **Panggilan suara** dan **Panggilan video**. Anda boleh memilih untuk mengalih panggilan, memanggil semasa talian sibuk, apabila tiada jawapan

atau apabila anda tidak boleh dicapai.

- 4 Sentuh **Aktifkan**.
- 5 Pilih **Ke pusat mel suara** atau **Ke nombor lain** untuk memasukkan nombor alihan baru.
- 6 Sentuh **OK** apabila anda telah selesai memasukkan nombor.

NOTA: Caj dikenakan untuk mengalihkan panggilan. Sila hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran.

PETUA! Untuk mematikan semua alihan panggilan, pilih **Nyahaktifkan semua** dari menu **Alihan panggilan**.

Mengguna sekatan panggilan

- 1 Sentuh **Tetapan panggilan** di dalam **Menu utama**.
- 2 Sentuh **Sekatan panggilan**.
- 3 Pilih **Panggilan suara** atau **Panggilan video**. Anda boleh mematikan semua sekatan panggilan dengan menyentuh **Nyahaktifkan semua** dari menu **Sekatan panggilan**.

- 4 Pilih mana-mana daripada lima pilihan:
Semua panggilan keluar
Antarabangsa keluar
Panggilan antarabangsa keluar
kecuali negara asal
Semua masuk
Masuk apabila di luar negara.
Sentuh **Aktifkan**.
- 5 Masukkan kata laluan sekatan panggilan. Sila semak dengan operator rangkaian anda mengenai perkhidmatan ini.

PETUA! Pilih **Nombor dailan tetap Menu utama** untuk menghidupkan dan mengumpul senarai nombor yang boleh dipanggil dari telefon anda.


Menggunakan mesej alasan

Sebelum anda menolak panggilan masuk, anda boleh menggunakan “**Mesej alasan**” untuk menghantar mesej untuk menerangkan mengapa anda tidak menerima panggilan masuk.

Panggilan

Menukar tetapan panggilan biasa

- 1 Sentuh **Tetapan panggilan** di dalam **Menu utama**.
- 2 Sentuh **Tetapan biasa**.. Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:

Menolak panggilan - Gelangsarkan suis ke kiri untuk menyerlahkan **Senarai tolak**. Anda boleh menyentuh kotak teks untuk memilih semua panggilan, panggilan dari kenalan atau kumpulan khusus, panggilan dari nombor tidak berdaftar (yang tiada dalam kenalan anda) atau panggilan tanpa ID pemanggil. Sentuh  untuk menukar tetapan.

Hantar nombor saya - Pilih jika nombor anda akan dipaparkan ketika anda menelefon seseorang.

Paparkan acara SNS - Pilih sama ada acara SNS akan dipaparkan atau tidak.

Dail semula auto - Gelangsar suis ke kiri untuk **HIDUP** atau kanan untuk **MATI**.

Penjaga minit - Luncurkan suis ke kiri untuk **HIDUP** untuk mendengar nada pada setiap minit daripada panggilan .

Mod jawab BT - Pilih **Bebas tangan** untuk dapat menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth atau pilih **Telefon** untuk menjawab panggilan dengan menekan kekunci pada telefon.

Simpan nombor baru - Pilih sama ada fungsi **Simpan nombor baru** **HIDUP** atau tidak. Gelangsarkan suis ke kiri untuk **HIDUP** atau kanan untuk **MATI**.

Kejelasan suara - Pilih sama ada fungsi **Kejelasan suara** **HIDUP** atau tidak. Gelangsarkan suis ke kiri untuk **HIDUP** atau kanan untuk **MATI**.

Menukar tetapan panggilan Video

- 1 Sentuh **Tetapan panggilan**.
- 2 Sentuh **Tetapan panggilan video**.

Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:

Gunakan imej peribadi - Pilih sama ada untuk menggunakan imej peribadi untuk panggilan video.

Imej peribadi - Pilih imej untuk panggilan video.

Cermin - Pilih sama ada untuk menggunakan Cermin.

Kos panggilan

Lihat caj yang dikenakan pada nombor didail anda (perkhidmatan ini ialah bergantung kepada rangkaian dan sesetengah operator tidak boleh menyokongnya).

Tempoh panggilan

Lihat tempoh semua panggilan didail dan diterima anda atau keduanya.



Jumlah data

Lihat jumlah di dalam kilobait semua data diterima atau dihantar.

Kenalan

Mencari kenalan


Terdapat dua cara untuk mencari kenalan:

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Buku telefon** atau sentuh  dari skrin utama.
- 2 Anda melihat senarai kenalan. Menaip huruf pertama nama kenalan di dalam medan Nama akan melangkaui menu ke kawasan abjad senarai.



PETUA! Pad kekunci abjad akan dipaparkan kepada sebaik sahaja anda mengetik medan Nama.

Menambah kenalan baru

- 1 Sentuh **Buku telefon** dan sentuh **Baru**.
- 2 Pilih sama ada untuk simpan kenalan pada **Telefon bimbit** atau **SIM**.
- 3 Masukkan nama pertama dan terakhir anda.
- 4 Anda boleh memasukkan sehingga 5 nombor bagi setiap kenalan. Setiap masukan dipratetap untuk **Mudah Alih, Rumah, Pejabat, Kelui, dan Faks**.

- 5 Tambah alamat e-mel.
- 6 Peruntukkan kenalan ke satu atau lebih banyak kumpulan. Anda boleh memperuntukkan sehingga tiga kumpulan bagi setiap kenalan. Pilih antara **Tiada kumpulan, Keluarga, Rakan, Sekolah** dan **VIP**.
- 7 Anda juga boleh menambah **Nada dering, Getaran, Laman utama, Alamat rumah, Nama syarikat, Pekerjaan, Alamat syarikat, Hari lahir, Ulang tahun** dan **Memo**.
- 8 Sentuh  untuk menyimpan kenalan.


Membuat kumpulan

- 1 Sentuh **Buku telefon**. Sentuh ke bawah anak panah di sebelah Kenalan dan kemudian pilih **Kumpulan**.
- 2 Sentuh **Kumpulan baru** atau sentuh  dan pilih **Kumpulan baru**.
- 3 Masukkan nama untuk kumpulan baru anda di dalam medan **Nama kumpulan**. Anda juga boleh peruntukkan nada dering kepada kumpulan.
- 4 Sentuh .

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang diperuntukkan pada kumpulan itu tidak akan hilang. Ia kekal di dalam **Buku telefon anda**.

Menukar tetapan kenalan anda

Anda boleh mengadaptasikan tetapan kenalan anda untuk disesuaikan dengan keutamaan anda.

- 1 Sentuh **Buku telefon**, sentuh  , tatal ke bawah dan pilih **Tetapan kenalan**.
- 2 Dari sini, anda boleh melaraskan tetapan berikut:
 - Tunjuk pad kekunci** - Pilih sama ada Pad kekunci dipaparkan.
 - Nama paparan** - Pilih urutan paparan nama.
 - Segerakkan kenalan** - Menyambung ke pelayan anda untuk menggerakkan kenalan anda.
 - Salin semua** - Salin kenalan anda dari telefon anda ke SIM anda atau dari SIM anda ke telefon anda. Anda boleh memilih satu pada satu-satu masa atau semua sekali.

Pindah semua - Ini berfungsi dengan cara yang sama seperti Salin, tetapi kenalan akan hanya disimpan ke lokasi yang anda pindihkannya.

Simpan semula kenalan - Simpan semula kenalan pada Kad Memori.

Kosongkan kenalan - Padam semua kenalan anda. Pilih antara **Telefon** dan **SIM** dan sentuh **Ya** jika anda pasti anda mahu memadam kenalan anda.


Maklumat memori - Lihat maklumat mengenai memori tersedia berkaitan **Telefon**, **USIM** dan **USIM e-mel**.

Hantar sema kenalan melalui Bluetooth - Hantar semua kenalan anda ke peranti lain menggunakan Bluetooth. Anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth jika anda memilih pilihan ini.


Sandarkan kenalan - Sandarkan kenalan pada Kad Memori.

Kenalan

Memaparkan maklumat

- 1 Sentuh **Buku telefon**, sentuh  tatal ke bawah dan pilih **Maklumat**.


Dari sini anda boleh melihat **Nombor dailan perkhidmatan anda**, **Nombor anda sendiri**, **Maklumat memori anda** (memaparkan penggunaan memori anda) dan **Profil saya**.

PETUA! Untuk menambah kad perniagaan anda sendiri, pilih **Profil saya** dan masukkan butiran anda seperti yang anda mahu untuk sebarang kenalan. Sentuh  untuk selesai.

Mengimport rakan dari rangkaian sosial

Anda boleh menambah kenalan rakan anda dari rangkaian sosial anda (Twitter atau Facebook) pada telefon anda menggunakan menu ini.

- 1 Sentuh **Buku telefon**, kemudian sentuh  dan pilih **Import rakan dari**.
- 2 Pilih **Twitter** atau **Facebook**.
- 3 Masukkan E-mel dan Kata laluan anda dan klik **OK**.

- 4 Pilih kenalan yang anda mahu tambah.
- 5 Pilih  **Simpan**.

Me

Mes

GD8
dan
digu

Me

1 S

k

s

2 S

M

v

3 S

n

k

A

k

s

u

n

4 S

b

n

M

ata

ia a

ke




caj


Mesej

Mesej


GD880 anda menggabungkan SMS dan MMS ke dalam satu menu mudah digunakan dan intuitif.


Menghantar mesej


- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Pemesejan** atau sentuh  dari laman utama.
- 2 Sentuh **Tulis mesej**,  dan pilih **Masukkan** untuk menambah imej, video, bunyi, emotikon, dll.
- 3 Sentuh **Ke** untuk memasukkan nombor penerima atau buka kenalan anda atau kegemaran. Anda boleh menambah berbilang kenalan. Apabila anda selesai, sentuh kotak mesej di bawah untuk mula mengubah teks mesej.
- 4 Selepas memasukkan teks, anda boleh menghantar mesej dengan menyentuh **Hantar SMS/Hantar MMS** pada bahagian atas mesej.

 **AMARAN:** Jika imej, video atau bunyi ditambah pada SMS, ia ditukar secara automatik kepada MMS dan anda akan di caj mengikut kesesuaian.

Memasukkan teks

Sentuh  untuk menghidupkan mod T9.

Sentuh  untuk memilih bahasa tulisan.

Sentuh  untuk menukar antara nombor, simbol dan input teks.

Kekunci fungsi membolehkan anda untuk menukar antara huruf besar dan huruf kecil atau menulis mesej di dalam skrin penuh pada pad kekunci, dll.

Mod T9

Mod T9 menggunakan kamus binaan dalam untuk mengecam perkataan yang anda tulis berdasarkan turutan kekunci yang telah anda sentuh. Ia meramal perkataan yang anda masukkan dan mencadangkan alternatif.

Menggunakan templat

Buat templat untuk mesej SMS dan MMS yang anda hantar paling kerap. Beberapa templat telah disediakan pada telefon anda, yang anda boleh edit.

Mesej

Menggunakan emotikon


Ceritakan mesej anda menggunakan emotikon. Beberapa emotikon yang biasa digunakan telah disediakan pada telefon anda.

Anda boleh menambah emotikon baru dengan menyentuh **Emotikon baru**.

Menggunakan tanda tangan

Buat tanda tangan untuk mesej SMS dan MMS yang anda hantar paling kerap. Semasa menulis tanda tangan, anda boleh memasukkan Tanda Tangan dari Masukkan->Lebih di dalam menu pilihan.

Menukar tetapan mesej teks anda

Sentuh **Pemesejan**, sentuh  dan pilih **Tetapan**. Pilih **Mesej teks**. Anda boleh buat perubahan kepada:

Pusat mesej teks - Masukkan butiran pusat mesej anda.

Laporan penghantaran - Gelangsarkan suis sebelah kiri untuk menerima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.


Tempoh kesahan - Pilih berapa lama mesej anda akan disimpan dalam pusat mesej.

Jenis mesej - Menukar maklumat teks anda kepada **Teks**, **Suara**, **Faks**, **X.400** atau **E-mel**.

Pengekoden aksara - Pilih cara aksara anda akan dikodkan. Ini menjejaskan saiz mesej anda dan juga caj data.

Hantar teks panjang sebagai - Pilih untuk menghantar mesej panjang sebagai **SMS Berbilang** atau **MMS**.

Menukar tetapan mesej multimedia anda

Sentuh **Pemesejan**. Sentuh  dan pilih **Tetapan**, kemudian pilih **Mesej multimedia**. Anda boleh buat perubahan kepada:

Mod ambil semula - Pilih antara **Rangkaian utama** atau **Rangkaian rayau**. Jika kemudian anda memilih **Manual**, anda akan menerima hanya pemberitahuan MMS dan anda boleh memutuskan sama ada untuk memuat turunnya secara penuh.

Laporan penghantaran - Pilih untuk meminta dan/atau benarkan laporan penghantaran.

Baca balasan - Pilih untuk meminta dan/atau benarkan balasan.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan MMS anda (**Keutamaan rendah, Keutamaan normal, Keluaran tinggi**).

Tempoh kesahan - **Pilih berapa lama mesej anda disimpan di pusat mesej.**

Tempoh slaid - Pilih berapa lama slaid anda muncul pada skrin.

Mod ciptaan - Pilih mod mesej anda (**Dilarang, Amaran, Bebas**).

Masa penghantaran - Pilih tempoh masa menunggu sebelum mesej dihantar.

Pusat mesej multimedia - Pilih satu daripada senarai atau tambah pusat mesej baru.

Menukar tetapan lain

Sentuh **Pemesejan**. Sentuh  dan pilih **Tetapan**.

Mel video/Mel suara - Sentuh **Profil baru** untuk menambah perkhidmatan Mel video/Mel suara baru. Hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang mereka sediakan.


Mesej perkhidmatan - Pilih untuk menerima atau menghalang mesej perkhidmatan. Anda juga boleh menetapkan keselamatan mesej anda dengan membuat senarai penghantar dipercayai dan tidak dipercayai di dalam pilihan **Keselamatan perkhidmatan**.

Simpan mesej dihantar - Pilih sama ada untuk menyimpan mesej dihantar.


Maklumat perkhidmatan - Pilih sama ada untuk menghidupkan/mematikan siaran Sel dan pilih saluran dan bahasa anda.

Tanda tangan - Buat, edit atau padam **Tanda tangan**.

Menyediakan e-mel anda

Sentuh  dari skrin utama, tatal ke kanan dan kemudian sentuh **E-mel**.

Jika akaun e-mel tidak disediakan, sentuh **Microsoft Exchange, dll**.

Jika akaun e-mel disediakan di dalam telefon anda dan anda mahu menambah akaun e-mel baru, sentuh  dan pilih **Akaun e-mel baru**.

Alamat e-mel - Masukkan alamat e-mel.

Kata laluan - Masukkan kata laluan akaun

Mesej

Jenis peti mel - Masukkan jenis peti mel: **IMAP4**, **POP3** atau **PUSH**. Jenis ini bergantung kepada pembekal khidmat.

Nama pengguna - Masukkan akaun nama pengguna.

Pelayan masuk - Masukkan alamat pelayan e-mel masuk.

Pelayan keluar - Masukkan alamat pelayan e-mel keluar.

Pengesahan SMTP - Pilih tetapan keselamatan untuk pelayan mel keluar.

Nama akaun - Bagaimana akaun akan muncul di dalam senarai akaun di dalam folder E-mel anda.

Setelah akaun disediakan, ia akan muncul di dalam senarai akaun di dalam folder E-mel anda.

Akaun e-mel Microsoft Exchange

Alamat E-mel - Masukkan alamat e-mel akaun.

Alamat pelayan - Masukkan alamat e-mel pelayan.

Domain - Masukkan domain akaun.

Nama pengguna - Masukkan akaun nama pengguna.

Kata laluan - Masukkan kata laluan akaun.

Segerak item - Pilih sama ada untuk menggunakan item Segerak (**Kenalan, Jadual, Tugasan**).

Mengambil semula e-mel anda


Anda boleh memeriksa akaun anda secara automatik atau manual untuk e-mel baru. Untuk menyemak secara manual:

- 1 Sentuh **E-mel**.
- 2 Sentuh akaun yang anda mahu gunakan.
- 3 Pilih **Ambil Semula baru**.

Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda

- 1 Sentuh **Tulis e-mel** dan e-mel baru akan dibuka.
- 2 Lengkapkan mesej.
- 3 Sentuh **Hantar e-mel** dan e-mel anda akan dihantar.

Menukar tetapan e-mel anda

- 1** Sentuh **E-mel** di dalam **tab Komunikasi**.
- 2** Sentuh  dan pilih **Tetapan e-mel**, kemudian anda boleh menukar tetapan yang berikut:

Akaun e-mel - Pilih akaun e-mel

Benarkan e-mel balasan

- Pilih untuk membenarkan penghantaran mesej pengesahan baca.

Minta balasan e-mel - Pilih sama ada untuk meminta mesej pengesahan baca.

Masukkan mesej asal - Pilih untuk memasukkan mesej asal di dalam balasan anda.

Sertakan lampiran - Pilih untuk menyertakan lampiran asal dalam mana-mana balasan.

Ambil semula auto semasa ...

- Pilih sama ada untuk mengambil mesej anda secara automatik semasa di luar negara (rayau).

Pemberitahuan e-mel baru - Pilih sama ada untuk diberitahu akan e-mel baru.

Tanda tangan - Buat tanda tangan e-mel.


Keutamaan - Pilih tahap keutamaan bagi mesej e-mel anda.

Saiz penerimaan maksimum



- Pilih saiz penerimaan maksimum:
100KB, 200KB, 300KB, 500KB, 1MB, 2MB, 2.2MB.

Kamera

Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan




Menangkap foto pantas

- 1 Tekan kekunci  pada sebelah kanan telefon.
- 2 Apabila kamera fokus pada subjek anda, sentuh  pada tengah kanan skrin untuk mengambil foto. Anda juga boleh menekan kekunci Kamera pada sebelah telefon dengan lembut.


PETUA! Untuk menukar kepada mod kamera atau mod video, gelangsar kamera ke atas/bawah atau ikon video pada kanan tengah pencari pandangan.


Selepas mengambil gambar


Foto yang anda tangkap akan muncul pada skrin. Nama imej dipaparkan pada bahagian bawah skrin dengan empat ikon pada sebelah kanan.

 Sentuh untuk menghantar foto sebagai **Mesej**, **E-mel**, **Bluetooth**.


NOTA: Kos tambahan mungkin dikenakan apabila MMS di muat turun semasa rayau.


 Sentuh untuk menggunakan imej sebagai skrin **Kertas hias dinding**, **Skrin kunci**, **Kenalan**, **Permulaan**, **Matikan**, **Panggilan keluar** atau **Panggilan masuk**.

 Sentuh untuk mengedit imej menggunakan pelbagai alatan.

 Sentuh untuk kembali ke pencari pandangan.

 Sentuh untuk memadam imej.


 Sentuh untuk terus mengambil foto lain. Gambar semasa anda akan disimpan.

 Sentuh untuk melihat galeri foto anda yang disimpan.



Kamera

Menggunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan sentuh  untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Saiz - Tukar saiz foto untuk menjimatkan ruang memori atau mengambil gambar yang dipratetap kepada saiz yang betul untuk kenalan. Pilih nilai piksel dari tujuh pilihan numerik: **5M(2560x1920)**, **3M(2048x1536)**, **2M(1600x1200)**, **1M(1280x960)**, **Kertas Hias Dinding**, **VGA(640x480)**, **QVGA(320x240)**.

Mod adegan - Tetapkan kamera untuk melaraskan persekitaran. Pilih dari **Auto**, **Malam**, **Lanskap**, **Potret** atau **Sukan**.

ISO - Pengadaran ISO menentukan kepekaan sensor cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera. Ia berguna dalam keadaan lebih gelap apabila anda tidak boleh menggunakan denyar. Pilih nilai ISO dari **Auto**, **ISO 800**, **ISO 400**, **ISO 200** atau **ISO 100**.

Imbangan putih - Pilih dari **Auto**, **Pijar**, **Pendarfluor**, **Cerah** atau **Berawan**.

Kesan warna - Pilih ton warna untuk dikenakan pada foto yang anda ambil.

Terdapat enam pilihan nada warna: **Mati**, **Sepia**, **Monokrom**, **Negatif**, **Solaris** dan **Biru**.

Fokus - Pilih cara kamera akan fokus. Pilih dari **Auto fokus**, **Manual fokus** atau **Pengesan muka**.

Pemasa sendiri - Pemasa sendiri membenarkan anda untuk menetapkan tundaan sebelum kamera mengambil gambar, selepas butang tangkap ditekan. Pilih dari **Mati**, **3 saat**, **5 saat** atau **10 saat**.

Mod tangkap - Pilih mod tangkap dari 9 pilihan.

Kualiti - Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Lebih halus kualiti lebih tajam foto tersebut tetapi saiz fail akan meningkat.

Tunjuk imej yang ditangkap - Pilih untuk melihat gambar dengan pilihan selepas mengambil foto.

Bunyi pengatup - Pilih satu daripada tiga bunyi pengatup.

Grid Skrin - Pilih dari **Mati**, **Silang ringkas** atau **Pembahagi tiga sama**.

Tag Geo - Pilih sama ada untuk menghidupkan maklumat EXIF untuk foto bagi menulis maklumat GPS.


Tetap semula tetapan - Pulihkan semua tetapan kamera.

Memori - Pilih sama ada untuk menyimpan foto anda pada Memori telefon bimbit atau pada Memori luaran.

Kamera Tukar - Pilih sama ada untuk menggunakan kamera dalaman atau kamera luaran.

Kamera video




Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan



Membuat video pantas


- 1 Tekan kekunci pada sebelah kanan telefon.


PETUA! Untuk menukar kepada mod kamera, gelangsar kamera ke atas/bawah atau ikon video pada kanan tengah pencari pandangan.


- 2 Memegang telefon secara mendatar, mengarahkan kanta ke arah subjek video.
- 3 Tekan kekunci kamera pada telefon sekali untuk memulakan rakaman. Atau sentuh titik merah  pada skrin.
- 4 **REC** akan muncul pada sebelah bawah pencari pandangan dengan pemasa pada sebelah bawah yang menunjukkan kepanjangan video.
- 5 Untuk menjeda video, sentuh  dan sambung semula dengan memilih .
- 6 Sentuh  pada skrin atau tekan kekunci kamera pada telefon semula untuk memberhentikan rakaman.


Selepas membuat video


Imej pegun mewakili video yang ditangkap akan muncul pada skrin. Nama video akan dipaparkan pada sebelah bawah skrin


 Sentuh untuk menghantar video sebagai **Mesej** atau **E-mel** atau dengan **Bluetooth**.


 Sentuh untuk menggunakan video sebagai nada dering suara atau video

 Sentuh untuk mainkan video.

 Sentuh untuk kembali ke pencari pandangan.

 Sentuh untuk padam foto yang baru sahaja anda ambil dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.


Sentuh  untuk mengambil video lain serta merta.

 Sentuh untuk melihat galeri video dan gambar yang disimpan.



Kamera video

Menggunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan, sentuh  untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Rujuk kepada tetapan lanjutan untuk Kamera.

Saiz video - Pilih saiz Video: VGA(640x480), QVGA(320x240), QCIF(176X144).

Mod rakaman - Tetapkan had tempoh untuk video anda: **Normal**, **MMS**.

Audio - Pilih sama ada untuk membisukan (rakam video tanpa bunyi) atau untuk menyahbisukan untuk memasukkan bunyi.

Tunjuk video yang dirakam - Pilih untuk melihat video dengan pilihan selepas mengambil video.

Fo

Mel

1 T

M

p

2 G

s

3 S

n

PE

ka

vic

Mel

1 P

ta

2 S

n

k

n

a

d

u

3 S

s

4 In


d

5 S

a





Foto dan video anda

Melihat foto dan video anda


- 1 Tatal dan sentuh **Galeri** di dalam **Menu utama** atau sentuh  pada skrin pratonton kamera anda.
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Sentuh video atau foto untuk membukanya dengan penuh.

PETUAL! Petik kiri atau kanan untuk melihat foto atau video lain.

Menangkap imej dari video



- 1 Pilih video yang anda hendak tangkap imej daripadanya.
- 2 Sentuh tengah skrin untuk membawa ke atas pilihan main, kemudian sentuh  untuk menjeda video pada bingkai yang anda mahu tukarkan pada imej dan sentuh sebelah atas kiri skrin untuk membuka  menu.
- 3 Sentuh  pada sebelah atas kiri skrin dan pilih **Tangkap**.
- 4 Imej akan muncul pada skrin, dengan nama imej.
- 5 Sentuh  pada sebelah kanan atas skrin untuk kembali ke video.

- 6 Imej akan disimpan di dalam folder **Album media** anda dan dipaparkan di dalam galeri.

 **AMARAN:** Sesetengah fungsi tidak akan berjalan dengan betul jika fail multimedia tidak dirakam pada telefon.

Melihat foto anda sebagai pertunjukan slaid


Mod pertunjukan slaid akan menunjukkan semua foto dalam galeri satu demi satu sebagai pertunjukan slaid. Video tidak boleh dipaparkan sebagai pertunjukan slaid.

- 1 Sentuh  di dalam **Galeri**, kemudian tatal dan pilih **Persembahan slaid**.
- 2 Pertunjukan slaid akan mula.
- 3 Anda boleh membuka menu seperti Tempoh, Transisi, dll. dengan mengetuk  semasa pertunjukan slaid.


Menetapkan foto sebagai penghias latar

- 1 Sentuh **Galeri** di dalam **Menu utama**.

Foto dan video anda

- 2 Sentuh foto yang anda mahu ditetapkan sebagai kertas hias dinding.
- 3 Sentuh  untuk membuka menu.
- 4 Sentuh **Tetapkan sebagai**, kemudian **Imej skrin utama**.

Mengedit foto anda

- 1 Dari menu Galeri, pilih foto yang anda mahu edit, sentuh  pada sebelah atas kiri skrin untuk membuka menu dan pilih **Edit**.
- 2 Sentuh ikon untuk meminda foto anda:



Pilih kawasan.



Pilih alat:



Lukiskan sesuatu dengan tangan pada foto anda. Pilih ketebalan garisan daripada empat pilihan tersebut, kemudian warna yang anda hendak gunakan.



Menambah teks pada gambar. Anda boleh memilih kotak teks dan warna kotak dan teks.



Hiaskan foto anda dengan cap.



Padam lukisan yang anda buat pada gambar. Anda boleh memilih saiz pemadam untuk digunakan.



Sentuh untuk membuka pilihan kesan lanjutan termasuk **Putar**.



Sentuh untuk kenakan pilihan kesan pada foto.

Pelarasan

Ini membantu melaraskan gambar yang diambil menggunakan **Kecerahan** atau **Kontras**.



Sentuh untuk kembali ke galeri.



Simpan Simpan perubahan yang anda buat pada telefon anda. Anda boleh menyimpan foto yang diedit dengan nama lain.



Buat asal Memadam pengeditan yang anda telah buat pada foto.



Hantar Pilih untuk menghantar gambar yang diedit sebagai **Mesej**, **E-mel** atau **Bluetooth**.





Multimedia

Anda boleh menyimpan sebarang fail multimedia pada memori telefon anda untuk mempunyai akses mudah ke semua gambar, bunyi, video dan permainan anda. Anda juga boleh menyimpan fail anda pada kad memori. Menggunakan kad memori membebaskan ruang di dalam memori telefon anda. Anda boleh mencari fail ini di dalam menu **Bahan saya** di dalam **Menu utama**.

Gambar


Imej mengandungi senarai gambar termasuklah imej lalai dipramuatkkan pada telefon anda, imej yang dimuat turun oleh anda dan imej yang diambil menggunakan kamera telefon anda.

Menghantar foto


- 1 Sentuh  dari skrin utama, sentuh **Bahan saya** dan pilih **Imej**. Pilih gambar yang anda mahu dan sentuh .
- 2 Sentuh **Hantar Melalui** dan pilih **Mesej, E-mel, Bluetooth**.

Menggunakan imej

Anda boleh memilih imej untuk digunakan sebagai kertas hias dinding, untuk skrin kunci dan untuk mengenal pasti pemanggil.

- 1 Sentuh **Bahan saya** di dalam **Menu utama** dan pilih **Imej**. Pilih gambar yang anda mahu dan sentuh .
- 2 Sentuh **Tetapkan sebagai** dan pilih dari:
Imej skrin utama, Imej skrin kunci, Imej kenalan, Imej mula, Imej mematikan, Imej panggilan keluar, Imej panggilan masuk

Mencetak imej


- 1 Sentuh **Bahan saya** dan pilih **Imej**. Pilih gambar yang anda mahu dan sentuh .
- 2 Sentuh **Cetak** kemudian pilih antara **PictBridge** dan **Bluetooth**.

PETUA! Anda boleh cetak melalui bluetooth atau dengan menyambungkan kepada pencetak serasi PictBridge.

Multimedia

Memindahkan atau menyalin imej

Anda boleh menggerakkan atau salin imej antara memori telefon dan kad memori. Anda mungkin mahu melakukan perkara ini untuk mengosongkan ruang dalam salah satu bank memori atau untuk melindungi imej anda dari hilang.

- 1 Sentuh **Bahan saya** di dalam tab **Hiburan**, pilih **Imej** dan sentuh .
- 2 Pilih **Pindah** atau **Salin**.
- 3 Anda boleh tanda/buang tanda imej dengan mengetiknya secara turutan. Tanda imej yang anda mahu dikeluarkan atau salin dan sentuh **Salin/Pindah**.

Bunyi

Bunyi mengandungi senarai bunyi termasuk bunyi yang dimuat turun, bunyi lalai dan rakaman suara. Dari sini anda boleh mengurus atau menghantar bunyi atau menetapkannya sebagai nada dering.

Menggunakan bunyi

- 1 Sentuh **Bahan saya** di dalam **Menu utama** dan pilih **Bunyi**.
- 2 Pilih bunyi yang anda mahu. Ia akan mula dimainkan.

Video

Video menunjukkan senarai video yang dimuat turun dan video yang telah anda rakam pada telefon anda.

Menonton video

- 1 Sentuh **Bahan saya** di dalam **Menu utama** dan pilih **Video**.
- 2 Pilih video untuk dimainkan.

Menghantar klip video

- 1 Pilih video.
- 2 Sentuh  dan kemudian sentuh **Hantar melalui**. Pilih dari **Mesej**, **E-mel** atau **Bluetooth**.

Kandungan Denyar

Folder kandungan Denyar mengandungi semua fail dimuat turun SWF dan fail SVG.

- 1 Sentuh **Bahan saya** di dalam **Menu utama** dan pilih **Kandungan denyar**.
- 2 Pilih fail yang anda hendak lihat.

Dokumen

Dari menu **Dokumen**, anda boleh melihat semua fail dokumen anda. Daripada sini anda boleh melihat fail Excel, PowerPoint, Word, Text dan pdf anda.

Kandungan lain

Kandungan lain mengandungi senarai fail bukan gambar, bunyi, video, dokumen, permainan atau aplikasi.

Permainan

Anda boleh memasang permainan baru pada telefon anda untuk dinikmati semasa anda mempunyai masa terluang.

Anda juga boleh mengakses ini menggunakan menu **Permainan & Aplikasi** di dalam **Menu utama**.

Memainkan permainan

- 1 Sentuh **Permainan & Aplikasi** di dalam **tab Hiburan**.
- 2 Pilih permainan untuk dilancarkan.

Memindahkan fail kepada telefon anda

Bluetooth mungkin cara mudah untuk memindahkan fail dari komputer ke telefon anda. Anda juga boleh menggunakan LG PC Suite melalui kabel segerak anda.

Untuk memindah menggunakan Bluetooth:

- 1 Pastikan telefon dan komputer anda menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Gunakan komputer anda untuk menghantar fail melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail harus dipaparkan di dalam folder imej jika ia merupakan fail imej dan di dalam folder Bunyi jika ia fail muzik.

Muzik

LG GD880 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam agar anda boleh memainkan semua trek kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, sentuh **Muzik**. Dari sini, anda boleh mengakses nombor folder yang terletak pada sebelah atas skrin:

Multimedia

NOTA: Hak cipta fail muzik dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta tempatan. Ia mungkin perlu mendapatkan kebenaran atau lesen untuk menghasilkan semula atau menyalin muzik. Dalam sesetengah negara, undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan hak cipta. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, sila periksa perundangan nasional negara yang berkaitan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

Semua trek - Mengandungi semua lagu yang anda miliki pada telefon anda kecuali muzik lalai dipramuat.

Kegemaran - Mengandungi lagu yang anda simpan sebagai Kegemaran.

Artis - Menyemak imbas melalui koleksi muzik anda dengan artis.

Album - Menyemak imbas koleksi muzik anda dengan album.

Genre - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut genre.

Senarai main - Mengandungi semua senarai main yang telah anda buat.

Memindahkan muzik kepada telefon anda




Cara paling mudah untuk memindahkan muzik pada telefon anda adalah melalui Bluetooth atau kabel segerak.

Anda juga boleh menggunakan LG PC Suite melalui Untuk memindah menggunakan Bluetooth:

- 1 Pastikan kedua-dua peranti menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.
- 2 Pilih fail muzik pada peranti yang lain dan pilih untuk menghantarkannya melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail sedia untuk dihantar, anda harus menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail sepatutnya muncul dalam **Muzik > Semua trek**.

Memainkan lagu

- 1 Sentuh **Muzik**.
- 2 Pilih lagu yang anda mahu mainkan. Mesej pengesahan muncul apabila di dalam **Mod Senyap**.
- 3 Sentuh **II** untuk menjedakan lagu.

- 4 Sentuh  untuk melangkah ke lagu seterusnya.
- 5 Sentuh  untuk kembali ke lagu sebelumnya.
- 6 Sentuh  untuk kembali ke **menu** Muzik. Anda boleh menyentuh lebih daripada sekali untuk kembali ke menu.

Radio FM

LG GD880 anda mempunyai ciri radio FM supaya anda boleh menala stesen kegemaran untuk didengari semasa mengembara.

- 1 Tatal dan sentuh **radio FM** di dalam **Menu utama**.
- 2 Menala ke stesen atau melaras kelantangan jika diingini.

NOTA: Anda akan perlu untuk melampirkan alat dengar yang dibekalkan oleh LG untuk mendengar radio. Masukkan ke dalam soket alat dengar telefon bersebelahan pada penyambung pengecas.

Pengatur

SNS

Perkhidmatan rangkaian sosial menumpukan kepada pembinaan dan mempamerkan perhubungan sosial antara orang yang berkongsi minat dan/atau aktiviti.

Facebook

Facebook ialah laman web rangkaian sosial.



- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Facebook**.

Twitter

Twitter ialah rangkaian sosial percuma dan perkhidmatan mikro blog.

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Twitter**.



Tetapan

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Tetapan SNS**.
- 2 Hidupkan rangkaian Sosial. Jika anda mempunyai akaun berkaitan dengan rangkaian sosial, akaun dipaparkan. Sentuh akaun, kemudian sentuh  untuk menambah kenalan rakan anda pada telefon anda.



- 3 Jika anda tidak mempunyai akaun, sentuh **Akaun baru**, kemudian buat akaun anda.


NOTA: Anda akan dikenakan kos tambahan dengan menyambung pada perkhidmatan ini. Semak caj data dengan pembekal rangkaian anda.

Menambah peristiwa pada kalendar anda



- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Pengatur**.
- 2 Pilih tarikh yang anda ingin tambah peristiwa kepadanya.
- 3 Sentuh  dan sentuh **Jadual baru** atau hanya sentuh **Jadual baru** pada sebelah bawah skrin.

Menambah item pada senarai tugas anda.



- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Tugasan** di dalam **Menu utama**.
- 2 Sentuh  dan sentuh **Tugasan baru** atau hanya sentuh **Tugasan baru** pada sebelah atas skrin.

- 3 Tetapkan tarikh untuk tugas, tambah nota dan pilih tahap keutamaan: **Tinggi, Normal** atau **Rendah**.
- 4 Simpan tugas anda dengan menyentuh .

Menambah memo

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Memo** di dalam **Menu utama**.
- 2 Sentuh  dan kemudian **Memo baru**. Atau hanya sentuh **Memo baru** pada sebelah atas skrin.
- 3 Taipkan memo anda dan kemudian sentuh **Simpan**.
- 4 Memo anda kemudian akan muncul pada skrin di dalam aplikasi memo.

Menetapkan penggera anda

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Penggera**. **Penggera widget** harus muncul di dalam senarai sebagai lalai dan anda tidak boleh memadamnya.
- 2 Sentuh  dan kemudian **Penggera baru**. Atau hanya sentuh **Penggera baru** pada sebelah atas skrin.

NOTA: Anda boleh menyediakan sehingga 11 penggera termasuk **Penggera widget**.



PETUA! Gelangsarkan suis penggera ke kiri untuk menetakannya.

Merakam bunyi atau suara


- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Rakaman suara** di dalam **Menu utama**.
- 2 Pilih di mana untuk menyimpan rakaman: **Dalaman** atau **Luaran**.
- 3 Pilih mod rakaman: **Normal** atau **MMS**.
- 4 Sentuh  untuk mula merakam.
- 5 Sentuh  untuk menjeda rakaman.
- 6 Sentuh  untuk menamatkan rakaman.
- 7 Sentuh  untuk mendengar pada rakaman anda.
- 8 Sentuh  untuk melaraskan kelantangan.

Pengatur

Menggunakan kalkulator anda



- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Alat lain** di dalam **Menu utama**.
- 2 Pilih **Kalkulator**.
- 3 Sentuh kekunci numerik menggunakan pad kekunci untuk memasukkan nombor.
- 4 Untuk pengiraan mudah, sentuh fungsi yang anda perlukan (+, -, ×, ÷), diikuti oleh =.
- 5 Untuk pengiraan yang lebih kompleks, sentuh  dan pilih dari **sin**, **cos**, **tan**, **log**, **ln**, **exp**, **sqrt**, **deg**, **rad** dll.

Menukar unit


- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Alat lain** di dalam **Menu utama**.
- 2 Pilih **Penukar unit**.
- 3 Pada bahagian atas skrin, pilih sama ada anda mahu menukar **Mata wang**, **Kawasan**, **Kepanjangan**, **Berat**, **Suhu**, **Kelantangan** atau **Halaju**.

- 4 Nada boleh kemudiannya memilih unit dan masukkan nilai yang anda mahu menukar dari, diikuti dengan unit yang anda mahu menukar kepada.
- 5 Nilai yang sepadan akan muncul pada skrin.

Menambah bandar pada Jam Dunia anda

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Alat lain** di dalam **Menu utama**.
- 2 Pilih **Jam dunia**.
- 3 Sentuh  dan kemudian **Bandar baru**. Atau hanya sentuh **Bandar baru** pada bahagian atas skrin.

Menggunakan jam randik

- 1 Sentuh  dari skrin utama dan kemudian sentuh **Alat lain** di dalam **Menu utama**.
- 2 Pilih **Jam randik**.
- 3 Sentuh **Mula** pada bawah skrin untuk memulakan pemasa.
- 4 Sentuh **Pusingan** jika anda hendak merekodkan masa pusingan.
- 5 Sentuh **Henti** untuk menamatkan pemasa.

LG Air Sync


Menggunakan menu ini, anda boleh menyalut data PIM anda atau kandungan lain telefon anda dengan akaun LG Air Sync.

- 1 Sentuh LG Air Sync di dalam **Menu utama**.
- 2 Jika anda tidak mempunyai akaun LG Air Sync, sila lawati www.lgairsync.com untuk membuat akaun anda. Jika anda mempunyai akaun, masukkan ID dan Kata Laluan anda.
- 3 Jika anda mahu menyalut data PIM anda, sentuh PIM Sync. Jika anda mahu menyalut kandungan anda, sentuh Link Air.
- 4 Di dalam PIM Sync, pilih item yang anda mahu menyalut, kemudian sentuh **Salut sekarang**.
- 5 Di dalam Link Air, pilih item yang anda mahu menyalut, kemudian sentuh **Salut sekarang**.


(PC sync)

Anda boleh menyegerakkan PC anda dengan telefon anda untuk memastikan semua butiran dan tarikh penting anda sepadan. Anda juga boleh sandarkan fail anda untuk menyenangkan anda.

Memasang LG PC Suite pada komputer anda

- 1 Dari skrin utama, sentuh  dan sentuh **Kesambungan**.
- 2 Pilih **Mod sambungan USB** dan sentuh **PC Suite**.
- 3 Sambungkan telefon dan PC melalui kabel USB dan tunggu seketika. Mesej panduan pemasangan akan dipaparkan.
- 4 Ikuti arahan pada skrin untuk menyelesaikan wizard Pemasang LG PC Suite.
- 5 Sebaik sahaja pemasangan selesai, ikon LG PC Suite akan muncul pada desktop anda.

Menyambung telefon dan PC anda

- 1 Dari skrin utama, sentuh  dan sentuh **Kesambungan**.
- 2 Pilih **Mod sambungan USB**.
- 3 Sentuh **PC Suite**.

- 4 Sambungkan telefon dan PC melalui kabel USB dan tunggu seketika. PC Suite berjalan secara automatik.

Membuat sandaran dan menyimpan semula maklumat telefon anda

- 1 Sambung telefon anda kepada PC anda seperti yang digariskan di atas.
- 2 Klik pada ikon **Sandakan**, dan pilih **Sandakan** atau **Simpan semula**.
- 3 Tanda kandungan yang anda hendak sandarkan atau simpan semula. Pilih lokasi yang anda hendak sandarkan maklumat atau simpan semula maklumat. Klik ikon **Mula**.
- 4 Maklumat anda akan dibuat sandaran atau disimpan semula.

Melihat fail telefon anda pada PC

- 1 Sambung telefon anda kepada PC anda seperti yang digariskan di atas.
- 2 Klik pada **Menguruskan Foto**, **Video** atau ikon **Muzik**.

- 3 Imej, fail audio dan video yang telah anda simpan dalam telefon anda akan dipaparkan pada skrin dalam folder Telefon LG.

PETUA! Melihat kandungan telefon anda pada PC anda membantu anda menyusun fail yang tidak anda perlukan.

Menyegerakkan kenalan anda

- 1 Sambungkan telefon anda ke PC.
- 2 Klik pada ikon **Kenalan**.
- 3 Klik butang Segerak Kenalan PC anda sekarang akan mengimport dan memaparkan semua kenalan pada telefon anda.
- 4 Klik pada **Menu** dan pilih **Ekspert**. Kini anda boleh pilih tempat di mana anda hendak simpan kenalan anda.
Klik kanan kenalan anda dan kemudian **Pilih Semua**.


Menyegerakkan mesej anda

- 1 Sambungkan telefon anda ke PC.
- 2 Klik pada ikon **Mesej**.
- 3 Semua mesej telefon anda akan dipaparkan pada skrin.

Menggunakan telefon anda sebagai peranti Segerak Muzik

Telefon anda boleh digunakan sebagai peranti Segerak Muzik kepada Fail Muzik Segerak sahaja.

Segerak Muzik boleh dijalankan menggunakan Windows Media Player 10/11 dan menyokong kedua-dua Memori Telefon dan Kad Memori Luaran.

- 1 Tanggalkan telefon anda daripada PC anda.
- 2 Dari skrin utama, sentuh  dan sentuh **Kesambungan**.
- 3 Pilih **Mod sambungan USB**.
- 4 Sentuh **Segerak muzik**.
- 5 Sambungkan telefon anda ke PC. Telefon anda akan membaca: **Disambung**.

Penukar DivX

DivX akan menukar fail media pada PC anda ke format yang membolehkan anda memuat naiknya dan melihatnya pada telefon anda.

Setelah dipasangkan, pilih **DivX** dari Fail Program pada PC anda, kemudian **penukar DivX** diikuti dengan Penukar.

(PC sync)

Gunakan anak panah dalam aplikasi untuk mengubah format penukaran kepada Mudah Alih. Jika anda klik kanan pada kotak aplikasi dan pilih **Keutamaan**, anda boleh menukar lokasi di mana fail yang ditukarkan disimpan.

Seret dan jatuhkan fail ke dalam aplikasi untuk analisis permulaan. Kemudian pilih **Tukar** untuk memulakan proses. Apabila proses tersebut selesai pop timbul Selesai Penukaran akan dipaparkan.

ABOUT DIVX VIDEO: DivX® is a digital video format created by DivX, Inc. This is an official DivX Certified device that plays DivX video. Visit www.divx.com for more information and software tools to convert your files into DivX video.

ABOUT DIVX VIDEO-ON-DEMAND: This DivX Certified® device must be registered in order to play DivX Video-on-Demand (VOD) content. To generate the registration code, locate the DivX VOD section in the device setup menu. Go to vod.divx.com with this code to complete the registration process and learn more about DivX VOD.

Pat. 7,295,673


OSP (Telefon Pada Skrin)

Menggunakan ciri OSP, anda boleh melihat skrin telefon anda dari PC anda. Anda boleh mengawal telefon anda dari Pengawas PC seperti yang anda lakukan pada telefon.

Memasang OSP pada komputer anda

Apabila anda memasang LG PC Suite pada komputer anda, OSP dipasang secara automatik

Memulakan OSP

Klik  pada komputer anda atau mulakan > program > LG OSP

Menyambung telefon dan PC anda

Dengan kabel USB

- 1 Klik 'Wizard Sambungan'.
- 2 Pilih 'Sambungan Kabel', kemudian klik Seterusnya.
- 3 Sambungkan telefon anda PC melalui kabel USB.
- 4 Pilih Seterusnya.
- 5 Masukkan kata laluan telefon anda ke dalam PC (nilai lalai ialah "0000")


Dengan Bluetooth

- 1 Pastikan Bluetooth Dihidupkan dan Kelihatan untuk kedua-dua PC

